



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000

Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

### Untuk Siaran Segera

#### **PINDAAN AKM 1998: MCMC TELAH JUMPA LEBIH 250 PIHAK BERKEPENTINGAN**

**CYBERJAYA, 6 Ogos 2015** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) setakat ini telah mengadakan pertemuan dengan lebih 250 pihak berkepentingan bagi mendapatkan maklum balas mereka berhubung dengan pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang bakal dibentangkan di Parlimen, Oktober ini.

Pengerusinya, Dato' Sri Dr. Halim Shafie berkata, proses pertemuan yang bermula sejak April lalu akan berterusan sehingga akhir September ini. Menurutnya, fasa pertama pertemuan dengan pihak-pihak berkepentingan pada April lalu bertujuan untuk mendapatkan maklum balas terhadap perkara-perkara berbangkit mengenai AKM.

Selain itu, kata Dr. Halim, sesi-sesi pertemuan turut diadakan dengan Kementerian-Kementerian, agensi-agensi kerajaan, pemegang lesen serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan pada Mei dan Jun lalu.

"Proses rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan ini dilaksanakan menerusi beberapa siri mesyuarat dan bengkel bersama-sama dengan sektor awam dan swasta. Selain itu, pandangan-pandangan berhubung dengan pindaan yang diperlukan untuk AKM turut diperoleh melalui laman sesawang MCMC.

"Kesemua siri pertemuan ini penting bagi memastikan suara dan pandangan mereka yang berkepentingan ini tidak diketepikan. Segala maklum balas yang diberikan itu akan diberikan pertimbangan sebelum pindaan AKM dibentangkan Oktober ini," jelasnya.

#### **TAMAT**

#### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi: Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: [scd@cmc.gov.my](mailto:scd@cmc.gov.my)